

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN G MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**Tuan G Manivannan A/L Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan :-**

- (a) bagaimana, dalam perlaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, bagaimanakah pihak Kementerian mengenal pasti sama ada peniaga yang diadu oleh orang awam sememangnya menjual dengan harga yang terlampau tinggi; dan
- (b) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi menangani isu peningkatan harga makanan akibat kenaikan harga barang perlu seperti minyak masak dan gula serta harga petrol.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** adalah perundangan yang berkuatkuasa ke atas peniaga bagi memastikan peniaga-peniaga yang didapati melanggar peraturan dengan mengenakan harga ke atas barang dan perkhidmatan yang terlalu tinggi semata-mata untuk mengaut keuntungan yang tidak munasabah.

Asas tindakan pemeriksaan ke atas peniaga adalah berdasarkan pemantauan harga yang dijalankan oleh Kementerian atau melalui aduan orang awam berkaitan harga.

Dalam menjalankan pemeriksaan, **Notis di bawah Seksyen 21** Akta yang sama akan dikeluarkan kepada peniaga yang didapati menaikkan harga. Tujuan Notis ini adalah untuk menyemak harga dan mengenalpasti sama ada berlaku kenaikan harga atau tidak. Peniaga yang menaikkan harga, dikehendaki memberi **penjelasan dan justifikasi kenaikan harga ke atas barang yang dijual** dan tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 21(5) Akta sekiranya peniaga gagal mengemukakan penjelasan.

Jika berlaku kenaikan harga, analisa akan dibuat untuk menentukan keuntungan yang diperoleh sama ada munasabah atau sebaliknya. Sekiranya hasil analisa mendapati peniaga mencatut tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 14(1) Akta.

**Tuan Yang Dipertua,**

- (b) Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah bagi memastikan peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan dengan alasan perubahan harga petrol bagi meningkatkan harga barang.

Antara tindakan-tindakan yang diambil untuk menangani isu tersebut adalah:

- i) menguatkuaskan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga atau mencatut;
- ii) menguatkuaskan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barang yang dijual atau mempamerkan senarai harga;
- iii) mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** dalam usaha **menangani aduan rakyat** melalui tindakan yang lebih **cepat dan pantas**;
- iv) meningkatkan **keberadaan (Omnipresence)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika;
- v) menjalankan **pemantauan harga barang keperluan asas di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;

- vi) memperkenalkan program ***Friends of KPDKKK*** yang merupakan mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan Pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang;
- vii) mengadakan kerjasama dengan **Kerajaan Negeri** dan **Agensi Kerajaan** lain serta penglibatan **penghulu** dan **penggawa** dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat perubahan harga barang dan caj perkhidmatan di premis perniagaan kepada Kementerian; dan
- viii) menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga.